

Lelaki lakukan pecah rumah, langgar perintah pengawasan polis dipenjara enam tahun

KUCHING: Mahkamah Sesyen di sini semalam menjatuhkan hukuman penjara enam tahun terhadap seorang lelaki berusia 37 tahun selepas mengaku bersalah atas pertuduhan pecah rumah dan melanggar perintah pengawasan polis.

Hakim Mahkamah Sesyen Musli Ab Hamid menjatuhkan hukuman penjara tiga tahun ke atas Mohammad Syafiq Jamali di bawah Seksyen 457 Kanun Keseksaan, dibaca bersama Seksyen 17 Akta Pencegahan Jenayah 1959.

Musli turut mengenakan

satu lagi hukuman penjara tiga tahun di bawah Seksyen 15(4) Akta Pencegahan Jenayah 1959, dengan kedua-dua hukuman berjalan secara serentak.

Seksyen 457 memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun dan denda, dengan tempoh penjara boleh dilanjutkan sehingga 14 bulan, jika kecurian dilakukan atau diniatkan dan bagi setiap kesalahan berikutnya, pesalah juga boleh dikenakan denda atau sebatan.

Seksyen 17 Akta Pencegahan Jenayah 1959 pula

memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua kali ganda daripada tempoh maksimum bagi kesalahan tersebut, selain hukuman sebatan.

Sementara itu, Seksyen 15(4) akta yang sama memperuntukkan hukuman penjara antara dua hingga 10 tahun.

Kesalahan tersebut dilakukan di sebuah rumah di Taman Padungan, Bukit Mata di sini antara jam 12.45 pagi hingga 1.35 pagi, Khamis lalu (30 Mac).

Menurut fakta kes, pemilik rumah membuat laporan polis selepas mendapati rumahnya

telah dipecah masuk, walaupun tiada barang dilaporkan hilang.

Mangsa kemudian menghubungi pihak polis yang berjaya menahan Mohammad Syafiq ketika bersembunyi di dalam tandas rumah tersebut.

Siasatan lanjut mendapati tertuduh telah dikenakan perintah pengawasan polis selama 15 bulan bermula 17 April 2025 hingga 16 Julai di bawah Seksyen 15 Akta Pencegahan Jenayah 1959 kerana terlibat dalam pelbagai kes berkaitan kecurian.

Mohammad Syafiq dikehendaki melapor diri di Balai Polis Sentral setiap Isnin dan Khamis sepanjang tempoh pengawasan dan diwajibkan berada dikediamannya antara jam 8 malam hingga 6 pagi.

Timbalan Pendakwa Raya Asmawi Nur Haqim Mokhtar mewakili pihak pendakwaan manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

DIHUKUM: Mohammad Syafiq diiringi keluar selepas prosiding di Mahkamah Sesyen semalam.

